



DR. MAHATHIR

PM AK MAHU RAHSIA BOCOR

Kementerian Pertahanan diarah siasat

KLUANG, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad amat memandang berat terhadap berlakunya pembocoran rahsia dalam Kementerian Pertahanan yang boleh mengancam keselamatan negara.

Beliau yang juga Menteri Pertahanan telah meminta supaya masalah pembocoran rahsia diselidik dan langkah-langkah diambil supaya ia tidak berlaku lagi, demikian kata Setiausaha Bahagian Perkhidmatan, Kementerian Pertahanan, Encik Ismail Adam.

Encik Ismail berkata demikian di majlis jamuan makan malam Tabung Kebajikan Pekerja-pekerja Awam Angkatan Tentera daerah Kluang di Dewan Jubli Intan di sini malam semalam.

Perdana Menteri, katanya, mengambil perhatian berat terhadap masalah keselamatan terutama dengan adanya berita yang tidak menyenangkan di ahbar-akbar berait dengan aktiviti-aktiviti Kementerian Pertahanan.

Encik Ismail juga mengingatkan para kakitangan awam tentera supaya jangan membocorkan sebarang rahsia baik kepada isteri, sukmi atau anak-anak mereka sendiri.

Motif

Beliau menjelaskan, sebagai sebuah kementerian yang bertanggungjawab dalam soal keselamatan, ia penuh dengan seribit macam perkara sulit dan rahsia.

Katanya, dokumen dibahagikan kepada peringkat biasa, terhad, sulit dan rahsia besar, mempunyai sebab dan motif tertentu.

"Segala perancangan, pergerakan dan tingkah laku kita perlu diawasi supaya anasir-anasir jahat tidak dapat mengancam keselamatan negara kita," tambah beliau.

Encik Ismail memberitahu, Kementerian Pertahanan boleh mengadakan langkah-langkah untuk mengetatkan lagi peraturan keselamatan yang ada sekarang.

Tetapi, ujarnya, ini akan hanya boleh dicapai dengan kerjasama orang ramai.

Kedudukan

Beliau juga menyeru para ahli tabung itu serta semua kakitangan awam Kementerian Pertahanan supaya memberi kerjasama penuh terhadap masalah keselamatan dan kebocoran rahsia kerajaan.

Mengenai lata-tertib, Encik Ismail berkata pada tahun lalu sahaja, Kementerian Pertahanan menerima lebih 30 aduan setiap hari terhadap pelanggaran tata-tertib di kalangan pekerja-pekerja awamnya.

"Ini jumlah yang besar dibandingkan dengan keadaan yang terdapat di kementerian dan jabatan lain.

"Apa yang merungsiangkan ialah kebanyakan daripada kes-kes tata-tertib ini melibatkan kakitangan yang berpendapatan rendah," jelasnya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

iri 2409
enerimaan 158/85